

11 ditahan godam sistem komputer kerajaan

Individu disyaki pentadbir Facebook Anonymous Malaysia juga dicekup

Oleh Safeek Affendy Razali
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Sekumpulan 11 lelaki disyaki terbabit kegiatan menggodam sistem komputer kerajaan, ditahan dalam tujuh serbuan berasingan di seluruh negara, kelmarin.

Serbuan dijalankan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial

(JSJK) Bukit Aman yang melakukan risikan dan intipan sejak minggu lalu.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata semua suspek yang ditahan itu berusia antara 22 hingga 40 tahun, termasuk individu disyaki pentadbir akaun Facebook Anonymous Malaysia.

"Tangkapan dibuat beriku-



Acryl Sani (kanan) ketika meninjau sekatan jalan raya di Plaza Tol Setia Alam, Shah Alam, semalam.

(Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

tan kumpulan terbabit disyaki membuat ugutan serta ancaman untuk menggodam sistem komputer kerajaan sejak beberapa tahun lalu. Setakat ini, enam laporan polis diterima di seluruh negara.

"Ketika ini, polis masih menjalankan siasatan lebih lanjut untuk mengenal pasti saki-baki suspek lain sebelum proses tang-

kapkan susulan dilakukan," katanya kepada pemberita selepas meninjau sekatan jalan raya di Plaza Tol Setia Alam, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Acryl Sani berkata, semua suspek itu disyaki menjalankan serangan siber terancang terhadap laman web kerajaan dan swasta.

"Semua suspek itu direman

tiga hari bermula hari ini (semalam) bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 4 Akta Jenayah Komputer 1997," katanya.

Sementara itu berdasarkan maklumat diperoleh, suspek yang ditahan turut disyaki melakukan pencerobohan terhadap tiga sistem kerajaan Johor, Sabah serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).